

# Ekonomi, militan: AS kini guna kaedah penyelesaian cara kita

UM 14 OCT 2001

MACHANG 13 Okt. — Amerika Syarikat (AS) yang banyak mengkritik pendekatan Malaysia dalam mengatasi kegawatan ekonomi dan kumpulan militan kini melaksanakan kaedah penyelesaian yang hampir sama digunakan oleh negara ini.

Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed berkata, AS seolah-olah tidak mempunyai banyak pilihan apabila memperkenalkan langkah-langkah drastik yang pernah dikecamnya sebelum ini.

Katanya, sebelum ini negara itu pernah mengecam hebat dasar-dasar yang diambil oleh sesetengah negara lain dalam mengatasi masalah besar tetapi ia kini mula memahami mengapa pendekatan itu dibuat.

Menurut beliau, apabila AS berhadapan dengan kelembapan ekonomi dan serangan ke atas Pusat Dagangan Dunia di New York dan Pentagon di Washington pada 11 September lalu, ia melaksanakan kaedah yang hampir sama digunakan oleh Malaysia.

“Dengan berlakunya krisis ini mereka akan lebih memahami tindakan yang diambil Malaysia,” katanya hari ini.

Sebelum itu beliau melancarkan Pusat Bantuan dan Sukarelawan Bencana Pemuda UMNO Kawasan Timur di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Machang, di sini.

Turut hadir ialah Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Kelantan, Rujhan Salleh, Presiden Persatuan Bekas Pelajar Maktab Rendah Sains Mara Malaysia (ANSARA), Mukhriz Mahathir dan Pengerusi Biro Pembelaan Masyarakat Pemuda UMNO, Ismail Sabri Yaakob.

Beliau yang juga Ketua Penerangan UMNO berkata, kalau dulu AS menganggap usaha Malaysia membantu syarikat bermasalah di negara ini sebagai 'bail out' tetapi mereka kini mengumumkan pakej AS\$15 bilion bagi menyelamatkan ekonomi di negara tersebut khususnya sektor penerbangan awam.

Menurut Mustapa lagi, begitu juga terhadap penguatkuasaan undang-undang yang mana Amerika kini mula memikirkan langkah-langkah lebih ketat seperti yang pernah diambil oleh beberapa negara sebelum ini dalam membanteras unsur-unsur keganasan.